


# Format P5 2020

# Bahasa Melayu

Cikgu Fitri


(Guru Bahasa Melayu - P5)

- Sekolah Rendah Henry Park -




# Peratusan markah bagi Ujian

	Penggal 2 (SA1)	Penggal 4 (SA2)
MARKAH	(200 markah) 100%	(200 markah) 100%
	30%	70%



# Format SA1/SA2 HPPS 2020



Kertas	Markah
<b>Kertas 1</b> Karangan berdasarkan topik <u>atau</u> Karangan Bergambar (5 + ?)	40
<b>Kertas 2</b> Penguasaan Bahasa: •Booklet A •Booklet B	50 40
<b>Kertas 3</b> Kefahaman Mendengar 7 Teks (3-4 Teks pendek, grafik, dialog)	20
<b>Lisan</b> a)Bacaan lantang (20) b)Perbualan berdasarkan rangsangan video (30)	50

# Contoh Kertas 2 Bahasa Melayu

*(berdasarkan format PSLE 2017)*

# Buku A.1 : Melengkapkan teks dengan Perkataan Berimbuhan (20 markah)

⊕

<p>Latif berkata kepada Liming dan Maniam, "Itu suara orang (1) _____ tolong!"</p> <p>(2) _____ orang budak itu pun pergi menyiasat ke tempat jeritan itu. Mereka ternampak seorang gadis sedang (3) _____ dengan sebilah pisau oleh seorang pemuda. Pemuda itu (4) _____ sebilah pisau sambil cuba merampas bag yang dibawa oleh gadis itu.</p>	<b>1</b>	(1)	diminta	(2)	meminta
		(3)	peminta	(4)	terminta
	<b>2</b>	(1)	Bertiga-tiga	(2)	Bertiga
		(3)	Ketiga-tiga	(4)	Ketiga
	<b>3</b>	(1)	diugut	(2)	mengugut
		(3)	pengugut	(4)	ugutan
	<b>4</b>	(1)	acuan	(2)	beracuan
		(3)	diacukan	(4)	mengacukan

## Buku A.2 : Peribahasa (10 markah)



Nurul Ain telah menerima hadiah pelajar cemerlang untuk tahun 2008. Dia telah berjaya mendapat keputusan yang terbaik di kalangan murid-murid darjah lima.

Nurul seorang pelajar yang **(11) tajam hati**. Dia juga sering **(12) belajar bersungguh-sungguh** dan banyak menghabiskan masa dengan mengulang kaji pelajarannya.

Nurul Ain juga disenangi rakan-rakannya kerana sikapnya yang **(13) suka membantu antara satu sama lain**. Setiap bantuan yang dihulurkan diberikan dengan **(14) putih hati**. Nurul Ain tidak pernah merungut bila rakan-rakannya meminta bantuannya.

Walaupun Nurul Ain selalu dipuji guru-

<b>11</b>	(1)	Berjaya
	(2)	Cekap
	(3)	Pintar
	(4)	Rajin
<b>12</b>	(1)	Panjang akal
	(2)	Perah tenaga
	(3)	Memerah otak
	(4)	Mengorak langkah
<b>13</b>	(1)	Seperti lipas kudung
	(2)	Bagai aur dengan tebing
	(3)	Bagai dakwat dengan kertas
	(4)	Seperti pahat dengan penukul
<b>14</b>	(1)	Cermat
	(2)	Ikhlas
	(3)	Jujur
	(4)	Teliti

# Buku A.3 : Melengkapkan teks Golongan Kata

(10 markah)

Aku termenung apabila mendapat tahu bahawa Ayah terpaksa membatalkan rancangannya untuk membawa kami sekeluarga bercuti di luar negara. Aku pasti bahawa aku akan berasa **(16)** \_\_\_\_\_. Bagi aku, tiada perkara yang lebih menarik selain bercuti di luar negara.

Namun, **(17)** \_\_\_\_\_ aku itu salah sama sekali setelah aku **(18)** \_\_\_\_\_ kursus memasak di sebuah kelab masyarakat atas saranan Ibu. Kursus tersebut bukan sahaja **(19)** \_\_\_\_\_ kemahiranku, malah mengubah sikapku.

Dahulu, aku sering mengkritik masakan Ibu. Kini, aku \_\_\_\_\_ lebih \_\_\_\_\_ menghargai \_\_\_\_\_ masakannya **(20)** \_\_\_\_\_ aku sedar bahawa banyak masa dan tenaga telah dihabiskan untuk menyiapkan masakan tersebut.

- 16** (1) resah  
(2) bosan  
(3) marah  
(4) hampa

- 17** (1) fikiran  
(2) ingatan  
(3) sangkaan  
(4) rancangan

- 18** (1) melalui  
(2) menyertai  
(3) memasuki  
(4) menghadapi

- 19** (1) meluaskan  
(2) meninggikan  
(3) meningkatkan  
(4) menghebatkan

## Buku A.4 : Kefahaman 1 (10 markah)

Hari ini merupakan hari yang paling bahagia bagi Kak Farah. Dia menjadi 'raja sehari' pada hari ini. Sanak-saudara dan sahabat-handai datang ke rumah kami sejak semalam lagi. Mereka bergotong-royong, mendirikan khemah, memasak nasi minyak, lauk-pauk, membasuh pinggan-mangkuk dan melayan tetamu-tetamu yang hadir.

Mak andam pula sibuk menghias bilik pengantin. Mak andam bukan hanya menyolek pengantin malah dia juga boleh menggubah barang-barang hantaran dan menyiapkan pelamin.

Dari jauh kedengaran bunyi kompang. Ia menandakan rombongan pengantin lelaki sudah tiba. Kak Farah duduk di atas pelamin sementara saudara-mara kami menyambut kedatangan mereka. Kemudian, kedua-dua pengantin duduk bersanding di atas pelamin.

21 Hari itu ialah hari yang bahagia bagi Kak Farah kerana dia \_\_\_\_\_.

- (1) akan berkahwin
- (2) akan menjadi raja
- (3) akan menjadi mak andam
- (4) akan bergotong-royong mendirikan khemah

22 Bunyi paluan kompang menandakan bahawa \_\_\_\_\_.

- (1) tetamu-tetamu akan tiba
- (2) tetamu-tetamu diberi berkat
- (3) rombongan pengantin lelaki sudah tiba
- (4) rombongan pengantin perempuan sudah tiba



## Buku B.1 : Melengkapkan Frasa (8 markah)

- (1) lari bertempiaran
- (2) cara sebegitu sekali
- (3) berperangai demikian
- (4) sebegitu harus dimarahi pengetua
- (5) kepada anak-anak pada masa hadapan
- (6) zaman dahulu dan sekarang amat berbeza sekali

Cikgu Sha :	Murid-murid akan (1) _____ setiap kali melihat kelibat guru, ya?
Cikgu Ani :	Maklumlah, ada yang belum menghantar tugas yang diberikan kepada mereka.
Cikgu Sha :	Hai, bermacam-macam kenakalan yang mereka rencanakan.
Cikgu Ani :	Pelik, ya? Kita dahulu tidak (2) _____.
Cikgu Sha :	Murid-murid (3) _____.
Cikgu Ani :	Ya, dahulu kita selalu dengar cakap ibu bapa. Sekarang, ada yang cuba mengengkari kata-kata mereka.
Cikgu Sha :	Entah apa yang akan terjadi (4) _____.

# Buku B.2 : Kefahaman 2 : Rangsangan Grafik (10 markah)

## Perjumpaan Deeparaya


**Marilah bersama-sama meraikan Hari Raya & Deepavali !**

Tarikh: 19 November 2005  
Masa: 5.00 petang  
Tempat: Dewan Serbaguna  
Kelab Masyarakat  
Ulu Pandan  
Tiket: \$ 5.00 seorang



Bayar hanya \$18.00  
sahaja untuk  
pembelian 4 tiket

Tiket percuma bagi yang berusia 12 tahun ke bawah.  
Potongan harga \$3.00 untuk pembelian setiap 5 tiket ke atas.



Tunjuk Cara Mengikat Kain  
Samping  
Tunjuk Cara Menganyam  
Ketupat



Tunjuk Cara Memakai Sari  
Tunjuk Cara Membuat Kolum

Kenali budaya masyarakat India dan Melayu.  
Dedahkan kanak-kanak kepada budaya bangsa lain.  
Keharmonian kaum bermula daripada setiap individu.  
Penyertaan masyarakat Cina dan Serani dialu-alukan.



Untuk Maklumat lanjut, sila hubungi:  
Puan Aminah di talian 64412340  
Datanglah ke Kelab Masyarakat  
Ulu Pandan untuk membeli tiket

**ARAHAN:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

13. Tiket boleh didapati \_\_\_\_\_.  
(1) di Dewan Serbaguna Ulu Pandan  
(2) di Ulu Pandan  
(3) daripada Puan Aminah  
(4) daripada Kelab Masyarakat Ulu Pandan
14. Bagi mereka yang meminati bidang feysen, pasti tertarik dengan \_\_\_\_\_.  
(1) tunjuk cara memakai sari dan kolum  
(2) tunjuk cara memakai sari dan mengikat kain sampan  
(3) tunjuk cara menganyam ketupat dan membuat kolum  
(4) tunjuk cara mengikat kain samping dan menganyam ketupat
15. Masyarakat Cina dan Serani digalakkan menghadiri perjumpaan itu untuk \_\_\_\_\_.  
(1) mengenali budaya India dan Cina  
(2) mengenali budaya Cina dan Serani  
(3) mengenali budaya Melayu dan India  
(4) mengenali budaya Serani dan Melayu

Kamu mahu mengajak rakan kamu menghadiri Perjumpaan Deeparaya bersama kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Gunakan informasi dalam brosur untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

Hakim, selain mengenali budaya masyarakat India dan Melayu,  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

# Buku B.3 : Kefahaman 2 (22 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Kata-kata pengetua pagi tadi masih terngiang-ngiang di telinganya. Pesanan yang telah disampaikan itu telah menyedarkan Salina yang selama ini dia tidak tahu tujuannya ke sekolah. Pelajar darjah enam itu datang ke sekolah sesuka hatinya. Hanya setelah dimarahi ibunya setiap pagi, barulah dia akan ke sekolah. Jika tidak, masanya akan **diluangkan** di rumah sahaja.

Salina mula hilang minat terhadap pelajarannya semenjak akhir persekolahan darjah lima. Dia mula ponteng sekolah, lebih-lebih lagi semenjak dia kehilangan kawan rapatnya, Maria, yang sudah berpindah sekolah. Kawan-kawan yang lain pula menjauhkan diri kerana Salina lebih suka bersendirian. Ada kalanya dia naik angin apabila ditanya atau ditegur sesiapa.

“Masa depan kamu bergantung kepada kelakonan kamu dan sikap kamu terhadap pelajaran. Setiap guru sudi membantu sesiapa yang inginkan bantuan. Adakah kamu mahu membantu diri kamu sendiri? Kamu perlu sedar bahawa setiap perubahan itu perlu bermula daripada diri sendiri,” itulah pesanan Encik Yunos Alif, pengetua Sekolah Rendah Indah kepada semua pelajar darjah enam.

Salina **berazam** untuk mengubah sikapnya. Perubahan itu perlu disegerakan kerana Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) akan bermula tidak lama lagi. Dia tidak mahu ketinggalan dan mengulangi pembelajarannya di darjah enam lagi pada tahun hadapan.

40.	“Salina tersenyum riang tidak berkata” di akhir petikan ini. Jelaskan.		(4 markah)
		Markah yang diperoleh	
41.	a)	Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.	
	i)	diluangkan	(1 markah)
		Markah yang diperoleh	
	ii)	berazam	(1 markah)
		Markah yang diperoleh	

# Terima Kasih

[fitri\\_kurniati\\_sanib@moe.edu.sg](mailto:fitri_kurniati_sanib@moe.edu.sg)

